

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID
(PENGERANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah KPI pungutan cukai jualan mempengaruhi JKDM untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual/pembuat produk-produk di Malaysia untuk memungut cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 (Akta 64) bersama-sama cukai jualan terdahulu yang belum dibayar berserta dengan penalti.

JAWAPAN

Pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah merangka satu pelan

strategik Jabatan bagi tahun 2014 untuk menetapkan KPI pungutan cukai jualan. Kutipan hasil cukai jualan dilakukan melalui pungutan Akaun Belum Terima. Untuk mencapai KPI pungutan hasil yang ditetapkan, JKDM telah mengadakan operasi ke atas syarikat-syarikat yang gagal menjelaskan cukai dan penalti. Sehingga Jun 2014, sebanyak 6 operasi telah dijalankan dan amaun cukai jualan yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM 63,042,672.71.

Selain itu, JKDM turut mengeluarkan bil tuntutan bagi syarikat yang gagal membuat bayaran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga Ogos 2014, bilangan bil tuntutan (*Bill Of Demand* - BOD) yang telah dikeluarkan ke atas syarikat yang gagal membuat bayaran cukai jualan adalah sebanyak 436 BOD yang melibatkan tunggakan cukai jualan sebanyak RM 532,768,250.91 serta penalti cukai jualan sebanyak RM 59,971.14.

Manakala bagi syarikat yang gagal mematuhi syarat bagi kutipan cukai jualan, JKDM telah mengambil tindakan menyenarai hitam ahli lembaga pengarahsyarikat tersebut dari ke luar negara. Sehingga Ogos 2014, bilangan ahli lembaga pengarah yang telah disenarai hitamkan adalah

sebanyak 66 orang daripada melibatkan 24 buah syarikat cukai jualan. Amaun cukai jualan yang terlibat adalah sebanyak RM18,807,862.58 dan penalti RM459,381.29. Hasil daripada tindakan menyenarai hitam ahli lembaga pengarah, sebanyak RM5.4 juta cukai jualan tertunggak telah berjaya dikutip.

Bagi syarikat yang masih gagal mematuhi pembayaran cukai dan penalti, tindakan mahkamah telah diambil ke atas syarikat tersebut. Sehingga Ogos 2014, bilangan syarikat yang telah didaftarkan di mahkamah adalah sebanyak 41 syarikat. Daripada jumlah tersebut, 28 syarikat telah berjaya didakwa dan didenda sebanyak RM253,200. Manakala 14 syarikat lagi masih dalam tindakan mahkamah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
DARIPADA OTHMAN SAID [PENGERANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah atau sedang mencari satu kaedah pengukuran baru untuk mengukur prestasi pendidikan negara selain penanda aras konvensional seperti Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan perkembangan dan persaingan ekonomi global, kejayaan sesuatu sistem persekolahan tidak lagi boleh diukur berdasarkan kepada standard kebangsaan sahaja tetapi mestilah dibandingkan dengan negara-negara lain pada peringkat antarabangsa. TIMSS dan PISA bertujuan mengukur sejauh mana murid yang hampir mengakhiri persekolahan peringkat menengah telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, terutamanya dalam matematik, sains dan bacaan, untuk menjadi ahli masyarakat yang berjaya. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan terus menggunakan TIMSS dan PISA sebagai salah satu input utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) bagi meningkatkan pencapaian dan kualiti sistem pendidikan di Malaysia.